

05/09/2002

Indon mengaku diupah bakar bendera

KUALA LUMPUR, Rabu - Sekumpulan rakyat Indonesia yang membakar Jalur Gemilang depan Kedutaan Malaysia di Jakarta baru-baru ini, mengaku mereka diupah pihak tertentu, bukan kerana perasaan benci dan sentimen antinegara ini.

Beberapa warga Indonesia yang menyertai perbuatan itu mengaku menerima upah sebanyak 200,000 rupiah (kira-kira RM90) dan sebungkus nasi bagi menyertai bantahan berkenaan.

Perkara itu dimaklumkan oleh peserta demonstrasi itu kepada seorang rakyat Malaysia, Mohamad Ali, 63, dari Rawang, Selangor, yang kebetulan berada berhampiran Kedutaan Malaysia di Jakarta ketika rusuhan berlaku.

Kira-kira 50 warga Indonesia menyertai rusuhan itu yang bermula kira-kira jam 11 pagi dan berakhir dua jam selepas itu.

"Saya bertanya beberapa orang yang menyertai rusuhan itu dan mereka mengaku dibayar 200,000 rupiah seorang dan diberi sebungkus nasi untuk melakukannya.

"Mereka juga tidak menunjukkan perasaan marah, sebaliknya ada yang ketawa ketika melakukan rusuhan," katanya yang menghubungi Berita Harian, hari ini.

Pada 26 Ogos lalu, sekumpulan kira-kira 50 warga Indonesia merusuh depan Kedutaan Malaysia di Jakarta, sebagai bantahan terhadap tindakan Malaysia menahan dan mengenakan hukuman sebat ke atas pendatang tanpa izin dari republik itu.

Malaysia mula menguatkuasakan Akta Imigresen 1959/1963 (pindaan 2002) ke atas pendatang tanpa izin mulai Ogos lalu, antara lain mengenakan hukuman penjara mandatori serta sebatan ke atas golongan berkenaan.

Mohamad yang berada selama 12 hari di Jakarta atas urusan peribadi berkata, ada peserta demonstrasi marah dengan tindakan pihak yang mengupah mereka supaya melakukan rusuhan itu.

Bagaimanapun, katanya, disebabkan desakan hidup dan sukar mencari wang, mereka sanggup melakukan apa saja terutama apabila ditawarkan wang tunai.

"Saya percaya mereka tidak membenci rakyat Malaysia, sebaliknya diperalatkan oleh pihak tertentu untuk kepentingan politik," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mengulas insiden itu berkata, Malaysia tidak berhasrat mengemukakan bantahan rasmi berhubung pembakaran Jalur Gemilang.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu hanya dilakukan segelintir rakyat negara itu yang bertindak keterlaluan serta tidak bertanggungjawab, dan bukan pendirian kerajaan Indonesia.